



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
LEMBAGA PEPERIKSAAN

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN**

**SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA**

**2022**

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**GARIS PANDUAN DAN ARAHAN PEPERIKSAAN  
SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA  
2022**

**BAHAGIAN A  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI (JPN) - ARAHAN AM**

Pihak JPN hendaklah:

1. memaklumkan kepada sekolah untuk memuat turun Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2022 dari portal rasmi Lembaga Peperiksaan ([lp.moe.gov.my](http://lp.moe.gov.my)).
2. mencetak dan mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2022 kepada semua calon persendirian.
3. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2022 sebelum peperiksaan.
4. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan pada tahun semasa.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis, Panduan Pengurusan Peperiksaan dan surat makluman Lembaga Peperiksaan (LP) yang sedang berkuat kuasa.

**BAHAGIAN B  
PENGETUA - ARAHAN AM**

Pengetua hendaklah:

1. mengedarkan Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2022 kepada semua calon sekolah.
2. memberitahu calon tentang Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2022 sebelum peperiksaan.
3. menyemak bahan peperiksaan yang diterima menepati keperluan menjawab kertas peperiksaan yang ditawarkan di sekolah pada tahun semasa.
4. memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 6 Larangan di Dewan/ Bilik Peperiksaan.
5. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis, Panduan Pengurusan Peperiksaan dan surat makluman Lembaga Peperiksaan (LP) yang sedang berkuat kuasa.

## **BAHAGIAN C**

### **KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN - ARAHAN AM**

Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah:

1. memastikan semua Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan dalam Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2022 dimaklumkan kepada calon.
2. meminta semua calon untuk memeriksa dan memastikan calon tidak membawa masuk bahan-bahan terlarang seperti yang termaktub dalam Bahagian D, Perkara 6 Larangan di Dewan/ Bilik Peperiksaan.
3. mencatatkan pada papan tulis dan maklumkan kepada calon butiran kod kertas, nama kertas, waktu, masa peperiksaan dan *errata* (jika ada) bagi kertas peperiksaan.
4. membenarkan kalkulator dibawa masuk ke Dewan/ Bilik Peperiksaan.
5. mengedarkan kertas peperiksaan mengikut tarikh dan waktu yang tercatat dalam Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2022.
6. mengedarkan kertas peperiksaan dengan muka hadapan kertas peperiksaan di sebelah atas.
7. mengarahkan calon supaya menyemak menyemak **Nombor Pengenalan Diri, Angka Giliran, Kod kertas, Nama Kertas** dan maklumat **QR Code** pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul.
8. memastikan calon mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor sebagai bukti calon tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan.
9. menyusun skrip jawapan calon mengikut susunan seperti pada borang **LP/Am 29** dari sistem e-kehadiran.
10. memastikan bilangan skrip jawapan peperiksaan yang dikumpul dan dicatat pada borang **LP/Am 29** akur dengan bilangan calon dalam **Buku Rekod Pengawasan Peperiksaan (BRP) LP/Am 25 Pin.1/2022** bagi sesuatu kertas peperiksaan.
11. menyediakan laporan menggunakan Borang LP/Am 30 Pin.1/2022 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 6 Larangan di Dewan/ Bilik Peperiksaan.
12. memastikan calon mengisi Borang LP/Am 31 Pin.1/2022 sekiranya calon melanggar sebarang peraturan peperiksaan pada Bahagian D, Perkara 6 Larangan Di Dewan/ Bilik Peperiksaan.
13. merujuk kepada buku Panduan Pengurusan Pusat Peperiksaan Bertulis, Panduan Pengurusan Peperiksaan dan surat makluman Lembaga Peperiksaan (LP) yang sedang berkuat kuasa.

## **BAHAGIAN D**

### **CALON - ARAHAN, AMARAN, LARANGAN DAN PERINGATAN**

#### **1. ARAHAN AM**

- 1.1 Calon **wajib** menduduki semua kertas peperiksaan bagi mata pelajaran yang didaftar. Calon yang tidak dapat menduduki mana-mana kertas peperiksaan bertulis akan dianggap **TIDAK HADIR** bagi mata pelajaran berkenaan. Calon yang tidak dapat menduduki atau tidak hadir sesuatu kertas peperiksaan dikehendaki mengemukakan dokumen sokongan seperti surat perakuan doktor atau surat kebenaran khas Pengarah Peperiksaan. Dokumen sokongan ini hendaklah diserahkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan sebelum tamat tempoh peperiksaan STAM 2022.
- 1.2 Calon hendaklah menyemak butiran pada **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** sebelum peperiksaan. Calon hendaklah memaklumkan kepada pihak JPN sekiranya terdapat kesilapan maklumat dan mengisi Borang Pembetulan Maklumat Calon. Calon dikenakan bayaran **RM30.00**. Pembayaran hendaklah dibuat kepada pihak JPN atas nama **Akauntan Negara Malaysia** menggunakan Kiriman Wang/ Wang Pos.
- 1.3 Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** kepada Ketua Pengawas Peperiksaan di pusat peperiksaan selain dari pusat peperiksaan asal calon. Ketua Pengawas Peperiksaan hendaklah menyemak maklumat calon dan maklumat mata pelajaran sebelum membenarkan calon menumpang di pusat peperiksaan seliaannya.
- 1.4 Calon hendaklah membaca Garis Panduan dan Arahan Peperiksaan yang dinyatakan dalam Jadual Waktu Peperiksaan STAM 2022 dan menandatangani Borang Pengakuan Calon.

#### **2. ARAHAN DI DEWAN/ BILIK PEPERIKSAAN**

- 2.1 Calon hendaklah berada di tempat duduk di dalam Dewan/ Bilik Peperiksaan **15 minit** sebelum peperiksaan dimulakan.
- 2.2 Calon hendaklah meletakkan **Kad Pengenalan** atau **Dokumen Pengenalan Diri** atau **Borang Pengenalan Diri Calon (LP/Am 118)** atau **Surat Perakuan Pengenalan Diri** di penjuru kanan sebelah label meja sepanjang waktu peperiksaan. Calon dilarang menduduki peperiksaan tanpa dokumen berkenaan.
- 2.3 Calon dibenarkan menduduki peperiksaan atas budi bicara Ketua Pengawas Peperiksaan sekiranya tiba **30 minit selepas peperiksaan dimulakan bagi peperiksaan bertulis**. Calon mesti mengemukakan alasan yang kukuh. Masa gantian tidak akan diberikan.
- 2.4 Calon boleh membuat bantahan sekiranya telah mendaftar untuk menduduki sesuatu mata pelajaran dalam tempoh pendaftaran tetapi kod kertas peperiksaan tersebut tidak tercatat dalam mana-mana dokumen rujukan calon. Calon hendaklah mengemukakan **Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan** dari Lembaga Peperiksaan yang mengandungi **kod kertas, nama kertas dan jenis peperiksaan STAM 2022** sebagai bukti pendaftaran. Calon tidak dikenakan

bayaran. Lembaga Peperiksaan berhak untuk tidak mengeluarkan keputusan calon sekiranya tiada bukti pendaftaran telah dilaksanakan.

### 3. ARAHAN TENTANG KERTAS PEPERIKSAAN

Calon hendaklah:

- 3.1 menyemak **Nombor Pengenalan Diri, Angka Giliran, Kod kertas, Nama Kertas** dan maklumat **QR Code** pada muka hadapan kertas peperiksaan bagi memastikan calon mendapat kertas peperiksaan yang betul. Calon dilarang menulis, menconteng atau membuat sebarang tanda pada **QR Code**.
- 3.2 memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas peperiksaan yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 3.3 **membaca** dan **mematuhi semua arahan** pada muka hadapan dan muka belakang (jika ada) kertas peperiksaan sebelum peperiksaan dimulakan.
- 3.4 menulis jawapan pada ruangan yang ditetapkan dengan menggunakan pena mata bola berdakwat hitam atau biru.
- 3.5 menulis semua jawapan dalam Bahasa Arab kecuali bagi kertas peperiksaan yang membenarkan atau memerlukan calon menjawab dalam bahasa lain.
- 3.6 berada di tempat duduk yang ditetapkan semasa skrip jawapan peperiksaan dikumpul semula oleh Pengawas Peperiksaan.

### 4. ARAHAN TENTANG JAWAPAN OBJEKTIF BERMAKLUMAT (JOB) DAN JAWAPAN OBJEKTIF TIDAK BERMAKLUMAT (JOTB)

- 4.1 Calon yang menerima kertas JOB hendaklah menyemak **Nombor Pengenalan Diri, Nombor Angka Giliran, Nama Mata Pelajaran, Kod Kertas** dan **Nombor Kertas** pada kertas JOB berkenaan. Calon **dilarang** membuat sebarang pindaan terhadap maklumat yang telah dicetak pada Bahagian A dan B. Kosongkan Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E.
- 4.2 Calon hendaklah memaklumkan kepada Ketua Pengawas Peperiksaan dengan segera jika menerima kertas JOB yang **salah** atau **tidak lengkap**.
- 4.3 Calon yang menerima kertas JOTB hendaklah melengkapkan **Nombor Pengenalan Diri, Nombor Angka Giliran, Nama Mata Pelajaran, Kod Kertas** dan **Nombor Kertas** pada ruangan yang disediakan dengan bantuan Ketua Pengawas Peperiksaan. Bahagian B dihitamkan jika berkaitan. Kosongkan Bahagian C, Bahagian D dan Bahagian E.
- 4.4 Calon hendaklah menggunakan pensel 2B atau BB sahaja.
- 4.5 Calon hendaklah memastikan ruang jawapan yang dihitamkan memenuhi keseluruhan ruang.
- 4.6 Calon hendaklah menggunakan getah pemadam jenis lembut sahaja untuk memadamkan hingga bersih tanda jawapan yang tidak dikehendaki. Calon

dilarang menggunakan pemadam jenis cecair, kimia, pelekat atau seumpamanya.

- 4.7 Calon dilarang melipat, menggulung atau merenyuk Kertas JOB dan JOTB.
- 4.8 Calon dilarang membuat lubang atau apa-apa tanda yang tidak dikehendaki pada Kertas JOB dan JOTB.

## **5. AMARAN DI DEWAN/ BILIK PEPERIKSAAN**

Calon **tidak dibenarkan**:

- 5.1 melipat atau merenyuk kertas jawapan peperiksaan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan.
- 5.2 keluar dari Dewan/ Bilik Peperiksaan 30 minit pertama peperiksaan dimulakan dan 10 minit terakhir sebelum peperiksaan ditamatkan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengawas Peperiksaan bagi peperiksaan bertulis.
- 5.3 membawa keluar kertas peperiksaan dari Dewan/ Bilik Peperiksaan.
- 5.4 mengganggu ketenteraman di dalam atau berhampiran Dewan/ Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan.
- 5.5 memakai pakaian yang tidak sopan dan mencolok mata.
- 5.6 merokok di dalam Dewan/ Bilik Peperiksaan.

## **6. LARANGAN DI DEWAN/ BILIK PEPERIKSAAN**

Calon **dilarang**:

- 6.1 membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam Dewan/ Bilik Peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
- 6.2 Menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di Dewan/ Bilik Peperiksaan.
- 6.3 mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
- 6.4 memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar Dewan/ Bilik Peperiksaan walau dengan apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
- 6.5 menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.

- 6.6 menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
- 6.7 menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
- 6.8 membuat rujukan di luar Dewan/ Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan.
- 6.9 membawa kertas peperiksaan keluar dari Dewan/ Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan.
- 6.10 membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan sama ada yang belum ataupun yang telah digunakan keluar dari Dewan/ Bilik Peperiksaan.
- 6.11 membawa kertas peperiksaan tertutup keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan.
- 6.12 membuat cubaan memberi suapan/rasuah dengan apa cara sekalipun kepada petugas peperiksaan/petugas pemeriksaan.

## **7. PERINGATAN**

Calon yang melanggar sebarang peraturan peperiksaan dalam Bahagian D, Perkara 6 Larangan di Dewan/ Bilik Peperiksaan dianggap melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut: -

- i. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
- ii. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal;
- iii. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
- iv. calon yang dibatalkan keputusan pada perkara 7 (i) atau 7 (ii) atas salah laku menyamar dan/atau suapan/rasuah boleh dikenakan sekatan daripada menduduki peperiksaan selama setahun.

## **8. PERINGATAN - KESIHATAN**

Calon adalah dinasihatkan:

- 8.1 sentiasa mematuhi saranan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan keselamatan dan kesihatan diri adalah pada tahap yang terkawal sebelum peperiksaan STAM Tahun 2022 bermula;
- 8.2 sentiasa mengekalkan saranan norma baharu dengan memakai pelitup muka, mencuci tangan dengan kerap atau menggunakan pensanitasi tangan dan

menjaga jarak agar semua calon yang dijadualkan untuk menduduki peperiksaan STAM Tahun 2022 dapat hadir mengikut tarikh yang telah ditetapkan; dan

- 8.3 sentiasa memantau tahap kesihatan sendiri dan mendapatkan nasihat pihak yang berwajib jika mendapati kesihatan sendiri tidak berada pada tahap terbaik.



**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS**

**SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA  
2022**

**JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN BERTULIS  
SIJIL TINGGI AGAMA (STAM) 2022  
16 JANUARI HINGGA 2 FEBRUARI 2023**

TARIKH	WAKTU			KOD KERTAS	NAMA KERTAS	MAKLUMAT PEPERIKSAAN
	CALON HADIR	KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN MEMBACAKAN ARAHAN	PEPERIKSAAN			
ISNIN 16 JANUARI 2023	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi (1 jam 15 minit)	S102/11	Fiqh Kertas 1	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari (2 jam 30 minit)	S102/21	Fiqh Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
SELASA 17 JANUARI 2023	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.30 pagi (2 jam 30 minit)	S105/21	Hadith dan Mustolah	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang (2 jam 30 minit)	S110/21	Balaghah	
RABU 18 JANUARI 2023	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi (1 jam 15 minit)	S106/11	Nahu dan Sarf Kertas 1	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari (2 jam 30 minit)	S106/21	Nahu dan Sarf Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
KHAMIS 19 JANUARI 2023	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi (1 jam 15 minit)	S104/11	Tafsir dan Ulumuhu Kertas 1	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari (2 jam 30 minit)	S104/21	Tafsir dan Ulumuhu Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
ISNIN 30 JANUARI 2023	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 9.15 pagi (1 jam 15 minit)	S103/11	Tauhid dan Mantiq Kertas 1	<i>Kertas Jawapan Objektif Bermaklumat</i>
	9.45 pagi	9.50 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari (2 jam 30 minit)	S103/21	Tauhid dan Mantiq Kertas 2	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
SELASA 31 JANUARI 2023	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.30 pagi (2 jam 30 minit)	S101/21	Hifz Al-Quran dan Tajwid	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang (2 jam 30 minit)	S107/21	Insyah' dan Mutala'ah	
KHAMIS 2 FEBRUARI 2023	7.45 pagi	7.50 pagi	8.00 pagi - 10.30 pagi (2 jam 30 minit)	S109/21	'Arudh dan Qafiyah	<i>Calon menyemak butiran pada muka hadapan Kertas Peperiksaan</i>
	2.15 petang	2.20 petang	2.30 petang - 5.00 petang (2 jam 30 minit)	S108/21	Adab dan Nusus	

**JADUAL MASA TAMBAHAN  
CALON BERKEPERLUAN PENDIDIKAN KHAS**

Masa tambahan yang diperuntukkan ini adalah untuk semua jenis Kertas Peperiksaan. Terdapat dua kategori masa tambahan bagi calon berkeperluan pendidikan khas iaitu Kategori A dan Kategori B.

**Kategori A: Calon Masalah Pembelajaran, Kurang Upaya Penglihatan (Buta), Kurang Upaya Penglihatan (Rabun), Kurang Upaya Pelbagai dan Kurang Upaya Fizikal**

1. Calon kemalangan yang layak mendapat masa tambahan ialah calon yang tidak boleh menulis dengan tangan yang biasa digunakan untuk menulis.
2. Kecederaan lain boleh diberi pertimbangan atas nasihat Pengarah Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri (u.p.: Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan)

<b>Bil.</b>	<b>Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan</b>	<b>Masa tambahan yang diberi</b>
1	1 jam atau kurang hingga 1 jam 30 minit	30 minit
2	Lebih 1 jam 30 minit hingga 2 jam 30 minit	1 jam
3	Lebih 2 jam 30 minit	1 jam 30 minit

**Kategori B: Calon Kurang Upaya Pendengaran/Kurang Upaya Pertuturan**

<b>Bil.</b>	<b>Masa yang diperuntukkan dalam Jadual Waktu Peperiksaan</b>	<b>Masa tambahan yang diberi</b>
1	1 jam	15 minit
2	1 jam 15 minit	20 minit
3	1 jam 30 minit	25 minit
4	1 jam 45 minit	30 minit
5	2 jam	30 minit
6	2 jam 15 minit	35 minit
7	2 jam 30 minit	40 minit
8	3 jam	45 minit

**AMARAN PEPERIKSAAN/PENTAKSIRAN**

Calon yang menduduki peperiksaan di dewan/bilik peperiksaan dilarang:

1. membawa masuk sebarang catatan sama ada pada pakaian atau anggota badan, nota, dokumen seperti buku, lukisan, grafik, akhbar, kamus, kertas, Jadual Waktu Peperiksaan, Pernyataan Pendaftaran Peperiksaan, telefon bimbit, alat-alat komunikasi atau peranti elektronik, bekas alat tulis dan beg ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan kecuali alat tambahan yang dibenarkan semasa peperiksaan.
2. menulis nota pada pakaian, anggota badan, dinding atau meja tulis di Dewan/Bilik Peperiksaan.
3. mendedahkan kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan sehingga boleh dibaca oleh calon lain.
4. memberikan pertolongan, mendapatkan pertolongan, berhubung dengan orang lain di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan walau dengan apa-apa cara sekalipun yang boleh disabitkan dengan perbuatan salah laku dalam peperiksaan.
5. menukar kertas peperiksaan atau/dan jawapan peperiksaan dengan calon lain.
6. menukar tempat duduk yang telah ditetapkan tanpa kebenaran daripada Ketua Pengawas Peperiksaan.
7. menyamar atau membenarkan orang lain menyamar bagi pihak calon.
8. membuat rujukan di luar Dewan/Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan.
9. membawa kertas/skrip jawapan peperiksaan keluar dari Dewan/Bilik Peperiksaan.
10. membuat cubaan memberi suapan/rasuah dengan apa-apa cara sekalipun kepada petugas peperiksaan/petugas pemeriksaan.

Calon yang tidak mematuhi **Amaran Peperiksaan/Pentaksiran** dianggap telah melakukan salah laku dan akan menyebabkan calon dikenakan tindakan tatatertib. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan (Penilaian dan Peperiksaan) 1997 dalam Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) salah laku ertinya menipu, menyamar, menyeludup apa-apa yang tidak dibenarkan atau apa-apa salah laku yang lain yang disifatkan sebagai suatu salah laku serius oleh Lembaga Peperiksaan. Calon yang disabitkan dengan mana-mana salah laku boleh dikenakan tindakan berikut:-

1. keputusan peperiksaan mana-mana kertas peperiksaan dibatalkan;
2. keputusan peperiksaan yang dikendalikan di sesuatu pusat peperiksaan diisytiharkan terbatal;
3. keputusan peperiksaan digantung sementara menunggu selesainya penyiasatan;
4. calon yang dibatalkan keputusan pada perkara 7 (i) atau 7 (ii) atas salah laku menyamar dan/atau suapan/rasuah boleh dikenakan sekatan daripada menduduki peperiksaan selama setahun.

**LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**BORANG PENGAKUAN CALON**

<b>1. NAMA CALON</b>		
<b>2. ANGKA GILIRAN</b>		
<b>3. NOMBOR PENGENALAN DIRI</b>		
<b>4. PEPERIKSAAN</b>		<b>TAHUN:</b>
<b>5. PENGAKUAN CALON</b>		
Saya mengaku telah membaca dan akan mematuhi semua Amaran Peperiksaan/Pentaksiran seperti yang dinyatakan di atas. Saya bersetuju untuk mematuhi peraturan dan prosedur pengurusan kes salah laku peperiksaan.*		
Tandatangan: .....		Tarikh: .....
<b>6. PENGESAHAN PENGETUA/PEGAWAI JABATAN PENDIDIKAN NEGERI</b>		
Tandatangan: .....		Tarikh: .....

**Nota:** Borang Pengakuan Calon (BPC) yang telah dilengkapkan hendaklah diserahkan kepada Pengetua bagi calon sekolah atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi calon persendirian. Pihak JPN/sekolah hendaklah menyimpan BPC sehingga enam bulan selepas tarikh pengumuman keputusan peperiksaan.

\*Akta 550, P.U.(A) 533/97 dan buku panduan Lembaga Peperiksaan yang sedang berkuat kuasa.